

30/10/2003

Xanana Gusmao, Timor Leste dan nasib rakyatnya

Mustapa Omar

ISTANANYA hanyalah sebuah bangunan batu separuh siap dengan bilik berdindingkan papan lapis. Tidak ada perabot mahal kecuali meja kayu dan kerusi plastik. Di tingkat atas, hanya tiang-tiang kosong tanpa dinding dan bumbung. Itulah istana rasmi Presiden Timor Leste, Xanana Gusmao.

Keadaannya begitu jauh berbeza jika dibanding dengan Palacio De Belem di

Lisbon, Buckingham Palace di London atau Istana al-Sajoud yang ditinggalkan Saddam Hussein di Baghdad.

Ketika kami tiba, beliau sendiri yang menyambutnya tanpa protokol. Senyuman yang sentiasa terukir di bibirnya sedikitpun tidak menampakkan kegelisahan sebenar yang dialami seorang pemimpin sebuah negara paling muda di dunia. Gusmao, bekas pemimpin gerila Fretilin itu memang tabah dan

tidak mudah mengalah.

Beliau pada mulanya enggan dilantik sebagai presiden, sebaliknya mahu menjadi peladang atau sekadar jurugambar. Tetapi selepas Timor Leste merdeka daripada Indonesia pada 1999, tiada orang lain yang lebih layak dilantik presiden, kecuali Gusmao.

Sebenarnya, Timor Leste terlalu jauh ketinggalan berbanding negara lain

di rantau ini. Dili, ibu negaranya hanyalah sebuah bandar kecil dan jika dibuat perbandingan ia mungkin seperti Kuala Lumpur ketika zaman Yap Ah Loy.

Portugis tidak mewariskan apa-apa kepada penduduk Timor Timur (nama asalnya) ketika meninggalkan wilayah itu pada 1975, manakala tentera Indonesia membakar dan merosakkan sebahagian besar bangunan ketika keluar

daripada pulau itu selepas rakyatnya memilih untuk merdeka daripada Indonesia pada 1999.

Bandar menghadap laut itu terlalu sunyi berbanding ibu kota negara lain.

Hanya ada beberapa bangunan tinggi, termasuk Hotel Timor - hotel terbaik yang menjadi tempat penginapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengunjungi negara itu minggu lalu.

Selain anggota tentera dan polis Malaysia yang berkhidmat di bawah payung PBB, warga asing lain yang ada di situ adalah kakitangan agensi PBB

yang datang dari pelbagai negara.

Pelaburan asing masih terlalu kecil di Timor Leste dengan pelabur paling

ramai dari Indonesia, diikuti Singapura, Australia dan Malaysia. Ada juga

pengusaha Filipina dan Thailand yang datang mencuba nasib. "Dengan jumlah

penduduk lebih kurang 800,000 dan kuasa beli yang terlalu rendah, apa yang

dapat diharap daripada Timor Leste. Keadaan keselamatan juga masih belum terjamin, manakala kemudahan infrastruktur masih jauh daripada

memuaskan,"

kata seorang pengusaha Malaysia yang mengikuti rombongan Dr Mahathir minggu lalu.

Australia ternyata lebih berminat untuk membolot simpanan minyak dan gas

yang ada di Celah Timor. Ini terbukti apabila ia memilih untuk mewujudkan

pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Darwin iaitu kira-kira 400 kilometer daripada Celah Timor, sedangkan daratan Timor Leste hanya terletak lebih kurang 48 kilometer dari kawasan sumber minyak dan gas itu.

Ternyata, Australia melihat jauh ke hadapan ketika membuat perjanjian dengan Timor Leste, sehingga negara kecil itu tertipu dan mengalami kerugian.

Berdasarkan pengamatan, Timor Leste mungkin sukar untuk membangun jika ia bergantung kepada usaha penduduknya saja. Disebabkan terbiasa dengan cara hidup seadanya, rakyat Timor Leste memiliki sifat negatif iaitu mereka malas berusaha.

Selain itu, tekanan hidup yang dilalui selama berada di bawah pemerintahan Indonesia menyebabkan mereka tidak berani mencuba. Sikap inilah yang perlu diubah jika mahu Timor Leste membangun seperti negara lain.

Bagi Gusmao dan lebih 800,000 rakyatnya, kemerdekaan bermakna membangunkan semula negara itu daripada kehancuran.

Mungkin pada peringkat awal, mereka mendapat bantuan daripada Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui pelbagai agensi untuk membangunkan negaranya, tetapi menjelang pertengahan tahun depan apabila PBB meninggalkan Timor Leste, Gusmao dan rakyatnya terpaksa berusaha sendiri.

Kini memang banyak pihak yang sedia membantu mereka. Australia, Singapura, Portugal, Indonesia dan Malaysia sendiri menyediakan pelbagai bantuan - daripada melatih pegawai tentera, polis, kakitangan kerajaan hingga pembentukan kementerian. Tetapi apabila agensi PBB meninggalkan Dili dan peruntukan semakin sedikit, mungkin bantuan dari negara luar juga akan berkurangan.

Portugal kembali ke Timor Leste sebaik saja negara itu merdeka. Ia berminat untuk membantu penduduk tempatan dalam bidang pendidikan. Lalu anak Timor Leste diajar dalam bahasa Portugis, sedangkan beberapa tahun lalu mereka diajar dalam bahasa Indonesia. Lalu peninglah anak sekolah ini.

Mereka bukan bertambah pandai tetapi semakin bodoh. "Kini kami diajar bahasa Portugal di sekolah, berbahasa Indonesia dengan rakan-rakan dan bercakap dalam bahasa Tetum di rumah. Kadang-kadang kami jadi bingung kerana bahasa apa yang sepatutnya kami gunakan," kata Martinho Ribeiro, yang ditemui di depan sebuah sekolah di Dili.

Sebenarnya, banyak yang diperlukan oleh rakyat Timor Leste. Mereka bukan saja memerlukan bantuan material dan dana untuk membangunkan negaranya, malah latihan dan sokongan moral untuk mengubah sikap supaya benar-benar bersedia menghadapi cabaran globalisasi.